

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 3, 2019 11:05 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: 3,000 MERIAHKAN CAREER FAIR 2019 - TAWAR LEBIH BANYAK PELUANG KERJA, PRAKTIKUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 OKTOBER 2019 / 4 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: CDC

3,000 MERIAHKAN CAREER FAIR 2019 - TAWAR LEBIH BANYAK PELUANG KERJA, PRAKTIKUM



UUM ONLINE: Seramai 3,000 pengunjung dari dalam dan luar kampus membanjiri Perpustakaan Sultanah Bahiyah sempena Career Fair UUM 2019 yang sarat dengan pengisian dan penuh meriah.

Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC), Dr. Awan Ismail berkata, tawaran pekerjaan dan latihan praktikum merupakan dua komponen yang akan menjadi sasaran dalam Career Fair bagi melahirkan graduan tahun akhir mendapat pekerjaan dan graduan yang sedang belajar mendapat peluang menjalani latihan praktikum.

Antaranya 99 Speed Mart Sdn Bhd, Media Prima Berhad, Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd (Mc Donald's) dan syarikat penawaran kerja dan Jobtivity Sdn Bhd.

"Melalui hasil kerjasama dengan Protege, kita cukup berbesar hati apabila syarikat besar sedia untuk mengambil pelajar menjalani praktikum dan bekerja di syarikat mereka memandangkan pelajar kita mempunyai kemahiran yang baik dan multitasking," katanya.

Jelasnya, pada kali ini, 500 peluang pekerjaan dan lebih 1,000 tempat latihan praktikum disediakan oleh pelbagai syarikat.

"Penyertaan syarikat bertambah sekali ganda daripada 15 syarikat menjadi 30 syarikat yang mengambil bahagian dalam memeriahkan acara sekali gus menunjukkan betapa seriusnya pihak syarikat menawarkan pekerjaan kepada generasi muda.

Ujarnya, program itu juga menyediakan platform untuk berinteraksi dengan syarikat multinasional dalam membina rangkaian selain mempromosikan UUM kepada masyarakat mengenai Universiti di Rimba Hijau.

"Menariknya, program kali ini menyediakan peluang pekerjaan paling banyak apabila pelbagai jawatan tinggi ditawarkan seperti Pengurus Cawangan, Penolong Pengurus Cawangan, Pegawai Analisis Sumber Manusia, Koordinator Acara, *Merchandising Executive, Content Producer, PR & Marketing Executive dan Video Producer*.

Beliau berharap kerjasama ini akan berterusan dan pelajar UUM terus diberi kesempatan bukan sahaja menjalani praktikum malah diberi kepercayaan untuk menjadi kakitangan tetap di organisasi berkenaan kelak.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali turut hadir melawat gerai pempamer sejurus sebelum menyampaikan sijil penghargaan kepada syarikat yang mengambil bahagian dalam Career Fair.

Sementara itu, Pengarah Projek, Khairul Arif Irfan Khairuddin berpendapat graduan berdepan cabaran sengit dari segi persaingan dalam mengisi kekosongan jawatan dalam keadaan ekonomi pada masa kini.

"Jadi, dengan adanya acara ini sangat bagus sebagai platform dalam mencari kerja dan membuka peluang kepada pelajar semester akhir mencari tempat untuk menjalani praktikum.

"Pengunjung juga dapat menimba pengalaman berdasarkan sesi temuduga terbuka yang dijalankan dari situ kita dapat belajar sesuatu untuk memantapkan diri dan membuat persediaan sebaiknya untuk menghadapi interview yang sebenar," kongsiinya

Manakala pengunjung, Muhammad Aizat Md Sin berkata, program ini memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar tentang peluang pekerjaan dan temuduga terbuka yang dikendalikan oleh syarikat terlibat.

"Menariknya, banyak agensi besar dan terkenal terlibat sama dalam program dua hari ini seperti Media Prima dan Maybank. Kebanyakan pempamer terlibat terdiri daripada bekas

pelajar UUM dan mereka kembali untuk memberi peluang kepada pelajar untuk menjadi sebahagian daripada mereka,” ujarnya.

Tambahnya, Career Fair turut mengasah bakat kepimpinan, kemahiran insaniah dan berkomunikasi yang perlu ada dalam diri pelajar agar selaras dengan kehendak pasaran masa kini.

Career Fair 2019 dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya Career Workshop, Resume Review, Open Interview, Career Talk, dan Kahoot Explorace selain banyak hadiah ditawarkan kepada pengunjung yang datang ke gerai pameran.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.